


TOPIK 2.1: KEDUDUKAN RELATIF

1. Pengenalan

- Kedudukan ialah **tempat** letaknya **sesuatu objek dalam sesuatu kawasan**.
- Kedudukan relatif bermaksud kedudukan yang **dinyatakan secara bandingan** dengan merujuk kepada suatu titik rujukan sebagai rujukan.
- **Kedudukan secara perbandingan** bermaksud **kedudukan sesuatu objek akan berubah** apabila titik rujukan **berubah**.
- Kedudukan relatif dinyatakan seperti di **hadapan, kiri, kanan, belakang** dari titik rujukan.
- Kedudukan sesuatu tempat atau objek **tidak dapat ditentukan sekiranya tidak ada titik rujukan**.

2. Menentukan Kedudukan Dalam Ruang Yang Terhad

- Kedudukan objek ditentukan oleh titik rujukan.



- Contoh kedudukan relatif menggunakan kedudukan relatif kiri, kanan, hadapan dan belakang.

Akim duduk di sebelah **kanan** Siew.


Dina duduk di sebelah **hadapan** Akim.

Cuba anda nyatakan kedudukan:

1. Zaim duduk di sebelah _____ Dina.
2. Siew duduk di sebelah _____ Akim.
3. Zaim duduk di sebelah _____ Siew.
4. Dina duduk di sebelah _____ Akim.

3. Menentukan Kedudukan Objek Di Lapangan


- Kedudukan sesuatu tempat atau lokasi di lapangan boleh juga dinyatakan menggunakan arah mata angin.



Rajah 1: Kedudukan mengikut arah mata angin

Sumber: <http://charmainshuenbmm3105.weebly.com/>

- Dalam contoh di atas, rumah dijadikan sebagai titik rujukan untuk menentukan kedudukan lokasi-lokasi tempat lain.
- Sebagai contoh **kedai** terletak di **barat daya** dari rumah.
- **Pejabat pos** terletak di **barat** dari rumah.
- Cuba anda nyatakan kedudukan:
 1. Hospital terletak di sebelah _____ dari rumah.
 2. Bukit terletak di sebelah _____ dari rumah.
 3. Apakah objek yang terdapat di utara rumah? _____



- Dalam contoh di atas, kedudukan lokasi-lokasi dalam pelan dapat ditentukan dengan menggunakan arah mata angin berdasarkan pada kedudukan titik rujukan.
- Sebagai contoh;
 1. Pejabat pos terletak di sebelah **timur laut** dari hutan.
Cuba anda nyatakan kedudukan:-
 1. Pejabat Pos dari Sekolah _____.
 2. Bukit dari Kedai _____.


Latihan

Jawab semua soalan dalam buku latihan.



1. Sonia duduk di sebelah _____ Adam.
2. Raju duduk di sebelah _____ Sonia.
3. Stacy duduk di sebelah _____ Adam.


Bahagian B.



1. Apakah lokasi yang terletak di Tenggara rumah? _____
2. Hutan terletak di sebelah _____ dari rumah.
3. Taman permainan terletak di sebelah _____ dari rumah.

Bahagian C

Berdasarkan pelan di bawah cari kedudukan lokasi berikut.



1. Apakah kedudukan bukit dari hutan? _____
2. Apakah kedudukan hutan dari Pejabat Pos _____
3. Kedah terletak di sebelah _____ dari bukit.